

# PM arah projek perumahan skala besar patuhi kerangka MADANI

Pemaju diminta sedia kemudahan asas bagi penuhi keperluan rakyat

Oleh Alzahrin Alias  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri mengarahkan semua projek perumahan rakyat berskala besar mematuhi sepenuhnya kerangka MADANI, termasuk menyediakan kemudahan asas yang memenuhi keperluan rakyat.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, syarat itu termasuk pembinaan sekolah menengah dan rendah atau sekolah menengah dengan lif khas di dalam bangunan, TADIKA atau prasekolah, serta kemudahan keselamatan dan kesihatan.

Beliau menegaskan projek perumahan yang mempunyai 3,500 unit, tidak boleh diteruskan sekiranya gagal memenuhi syarat berkenaan.

"Arahan saya, semua konsep perumahan besar terutama macam rumah 3,500 unit, mesti menyediakan prasarana sekolah.

"Kita hendak memastikan mesti ada sekolah. Kalau tidak ada sekolah berdekatan, mesti ambil beberapa blok di situ ... dengan lif, 'vertical school' (sekolah menegak) mesti ada.

"Satu lagi, ada tak satu tempat untuk TADIKA? Kita kata di ban-



Anwar bersama Dr Wan Azizah dan Dr Zaliha (kanan) melihat model Residensi Aman MADANI pada Majlis Pecah Tanah Tapak Projek, Residensi Aman Lumayan, Bandar Sri Permaisuri, semalam.  
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

dar, ibu bapa pendapatannya RM2,000 hingga RM3,000. TADIKA ini dua batu jauhnya. Saya sudah arahan supaya TADIKA itu dalam bangunan. Kalau tidak ada, dibetulkan.

"Jadi, saya anggap satu blok boleh diteruskan, satu blok lagi mesti ditangguh sehingga semua syarat ini dipenuhi. Kalau tidak dipenuhi, jangan teruskan," katanya pada Majlis Pelancaran

Residensi Aman Lumayan di Bandar Sri Permaisuri, Cheras di sini, semalam.

## Sedia semula kertas kerja

Turut hadir ialah Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Anwar turut mengarahkan pe-

maju hartanah projek Residensi Aman MADANI menyediakan semula kertas kerja perancangan pembangunan.

Beliau turut meminta pemaju projek, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dan pihak berkaitan perancangan bandar berjumpa dengannya pada Isnin depan, bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Sementara itu Pengarah Urusan Danau Lumayan Sdn Bhd, Shahril Reza Shaheen, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi menyediakan kemudahan lain seperti sekolah bagi pembeli hartanah Residensi Wilayah Aman Lumayan.

"Itu saranan yang baik dan kami akan melihat keperluan ini," katanya.